

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda memohon akaun SiManja. Sila baca juga Terma dan Syarat Am dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini dan syaratnya.</p>	<p style="text-align: center;"><b>Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei</b></p> <p style="text-align: center;"><b>SIMANJA</b></p> <p style="text-align: center;">Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah dari 29<sup>th</sup> October 2021</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun SiManja merupakan akaun simpanan patuh Syara' yang menggunakan konsep Syariah <i>Al-Wadi'ah Yad Ad-Dhamanah</i>.</li> <li>• Akaun SiManja membolehkan Pemegang Amanah membuka akaun bersama kanak-kanak di bawah umur.</li> <li>• Pemegang Amanah boleh mengendalikan akaun bagi pihak kanak-kanak di bawah umur sehingga kanak-kanak tersebut mencapai umur 18 tahun.</li> </ul>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Syariah yang diguna pakai adalah <i>Al-Wadi'ah Yad Ad-Dhamanah</i> (akad simpanan dengan jaminan). Ia merujuk kepada kontrak penyimpanan sesuatu aset kepada pihak lain untuk disimpan dengan selamat.</li> <li>• Dalam konteks produk ini, apabila Pemegang Amanah membuka akaun, pemegang akaun dikira bersetuju memberikan kebenaran kepada Perbadanan TAIB untuk menggunakan wang yang didepositkan (disimpan) untuk apa jua tujuan yang patuh Syara'. Sebarang keuntungan dari penggunaan wang deposit tersebut adalah menjadi hak milik Perbadanan TAIB. Walau bagaimanapun, Perbadanan TAIB mengikut budi bicaranya boleh memberi hibah kepada pemegang akaun. Berdasarkan konsep ini juga, wang deposit dijamin akan dikembalikan kepada pemegang akaun.</li> </ul>	
<p><b>3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang amanah             <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Ibu bapa, penjaga, datuk/nenek</li> </ul> </li> <li>• Warganegara Brunei, Penduduk Tetap dan Warganegara Asing</li> <li>• Berumur 18 tahun ke bawah</li> <li>• Pemohon mestilah menetap di Brunei Darussalam</li> <li>• Pemohon tidak tersenarai di dalam senarai dalaman TAIB (<i>TAIB Internal list</i>)</li> </ul>	

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### 4. Apakah dokumen yang diperlukan?

- **Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Brunei**
  - Sijil Kelahiran asal yang sah (Bagi yang berumur 12 tahun ke bawah)
  - Kad pengenalan asal yang sah (Bagi yang berumur 12 tahun ke atas)
  - Kad pengenalan asal yang sah bagi Pemegang Amanah
  - Bukti pekerjaan (slip gaji terkini, surat pengesahan majikan atau butiran pengenalan kakitangan yang sah)
    - \*Diperlukan untuk ibubapa/penjaga yang baru membuka akaun dan sebarang perubahan majikan sahaja (pelanggan sedia ada)
- **Warganegara asing**
  - Kad pengenalan asal yang sah.
  - Pasport asal yang sah.
  - Pas kerja atau Pas Tanggungan (Anak / Pasangan) – sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam perkhidmatan dengan pas kerja tidak kurang dari enam (6) bulan;
  - Surat tawaran pekerjaan / perjanjian kontrak.
  - Bukti memuaskan berkaitan dengan alamat kediaman seperti perjanjian sewa / bil kemudahan.
  - Borang sijil cukai (*Tax Certification Form*).

### 5. Apakah yang perlu pelanggan lakukan semasa membuka akaun?

- Semasa pembukaan akaun, pelanggan akan diberikan teks tawaran dan penerimaan ("*Sighah Aqad*"), yang mana pelanggan dikehendaki untuk melafazkannya di hadapan kakitangan Perbadanan TAIB.

### 6. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Akaun simpanan patuh Syara'
- Wang deposit pelanggan adalah dijamin
- Pemegang akaun adalah anak di bawah umur
- E-Penyata, Perbankan Mudah Alih dan Perbankan Internet tersedia

### 7. Berapakah deposit awal diperlukan?

- Simpanan permulaan minimum ialah BND50.00
- Baki Harian minimum ialah BND50.00

### 8. Apakah yang akan terjadi sekiranya kanak-kanak di bawah umur meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemegang Amanah Akaun SiManja?

- Sekiranya kanak-kanak di bawah umur meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemegang Amanah Akaun SiManja, akaun tersebut akan digantung dari beroperasi sehingga Perintah Mahkamah berhubung pembahagian harta waris kanak-kanak berkenaan dikeluarkan. Akaun berkenaan masih akan menerima hibah walaupun ia digantung dari beroperasi.

### 9. Apakah yang akan terjadi sekiranya Pemegang Amanah Akaun SiManja meninggal dunia terlebih dahulu daripada kanak-kanak di bawah umur?

- Sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia terlebih dahulu daripada kanak-kanak di bawah umur, Akaun tersebut akan digantung dari beroperasi sehingga Perintah Mahkamah

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

berhubung dengan penggantian Pemegang Amanah diterima Perbadanan TAIB. Wang di dalam Akaun bukanlah termasuk sebagai harta Pemegang Amanah. Akaun berkenaan masih akan menerima hibah walaupun ia digantung dari beroperasi.

### 10. Apakah dokumen yang diperlukan sekiranya anak di bawah umur atau pemegang amanah meninggal dunia?

- Sijil kematian
- Perintah Mahkamah
- Sebarang dokumen yang diperlukan oleh Perbadanan TAIB

### 11. Apa yang berlaku jika anak di bawah umur berumur 18 tahun?

- Setelah mencapai umur 18 tahun, akaun tersebut akan ditukar kepada akaun simpanan Al-Wadi'ah biasa atas nama kanak-kanak yang sudah mencapai 18 tahun selaku pemegang akaun tunggal dan nama Pemegang Amanah akan dikeluarkan.

### 12. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu pelanggan ketahui?

- Sila rujuk Terma dan Syarat Am untuk maklumat lanjut.

### 13. Apakah Fi yang perlu pelanggan bayar?

- Fi dan caj yang perlu dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam 'TAIB Schedule of Tariffs and Fees' yang dinyatakan di laman sesawang Perbadanan TAIB, dan salinannya tersedia di mana-mana cawangan Perbadanan TAIB.

### 14. Apakah risiko utama yang berkaitan?

- *Hibah* hanya boleh ditentukan bergantung kepada keuntungan pelaburan dan tertakluk kepada budi bicara Perbadanan TAIB.
- *Hibah* tidak akan diberikan jika Baki Harian di bawah Baki Harian Minimum.

### 15. Bagaimana cara menjaga keselamatan akaun ini?

- Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuka akaun SiManja.

### 16. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

- Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### 17. Di manakah pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.
- Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di [fci@bdcdb.gov.bn](mailto:fci@bdcdb.gov.bn) atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan  
Brunei Darussalam Central Bank  
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam  
Tel: +673 2380007

### 18. Apakah Produk-Produk Simpanan lain yang sedia ada?

- |                  |                                   |
|------------------|-----------------------------------|
| • Al-Wadiah      | • <i>Education Saver</i>          |
| • Tekad Haji     | • <i>Medical and Health Saver</i> |
| • Berjasa        | • <i>Property Saver</i>           |
| • Akaun Syarikat | • <i>Retirement Saver</i>         |



## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Am TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka akaun SiManja yang berkonsepkan <i>Al-Wadiah Yad Ad-Dhamanah</i> mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No K/P: Tarikh:	Nama: No K/P: Tarikh:
..... (Untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB)	..... (Tandatangan Pelanggan)